



Ruj. Tuan : JK/MP 42/1 Jld.7
Ruj. Kami :
Tarikh : 8 Julai 2011

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Seluruh Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PANDUAN MENGISI E-LAPORAN HARIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu pihak kami mengucapkan terima kasih atas komitmen Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan kerana mengisi sistem e-Laporan Harian secara harian.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan, terdapat perkembangan terkini berkaitan sistem e-Laporan Harian melalui beberapa siri perbincangan dengan beberapa pihak. Hasil daripada perbincangan-perbincangan tersebut, beberapa persetujuan seperti berikut telah dicapai:

a. Bagi kes yang telah ditetapkan untuk bicara tetapi tidak berjalan langsung sahaja dianggap sebagai termasuk dalam kes yang ditangguhkan. Bagi kes bicara yang berjalan walaupun dengan keterangan seorang saksi, kes ini tidak dianggap sebagai kes yang ditangguhkan. Bagi tujuan laporan, kes-kes yang berjalan walaupun dengan seorang (1) saksi tidak akan diekstrak sebagai kes-kes yang ditangguhkan.

(Panduan: Dalam paparan "KEMASKINI-BICARA TANGGUH", klik "Sivil" atau "Jenayah" sebagai "Jenis Kes" > pilih "Mahkamah" sebagai pihak yang menangguh > Klik pilihan "SAMBUNG BICARA" sebagai "Alasan Tangguh" > penuhkan ruang-ruang "No. Kes", "Seksyen & Akta Terlibat", "Pertuduhan", "Tarikh Tangguh" dan "Bil Tangguh" > minitkan nama TPR/PP & peguam serta firma peguam tersebut di ruang "Catatan" > minitkan status kes di ruang "Catatan" sekiranya perlu).

...2/-

b. Kes-kes jenayah tidak sepatutnya ditangguhkan atas alasan **representasi** yang hendak dibuat oleh peguam atau menunggu jawapan daripada Ketua Unit Pendakwaan (KUP) pada tarikh bicara tersebut. Jika kes bicara jenayah ditangguhkan atas sebab **representasi**, maka Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan hendaklah memilih "Mahkamah" sebagai pihak yang menangguhkan kes.

(Panduan: Dalam paparan "KEMASKINI-BICARA TANGGUH", klik "Jenayah" sebagai "Jenis Kes" > pilih "Mahkamah" sebagai pihak yang menangguh > klik pilihan "Representasi (Dipohon oleh Peguam)" atau "Representasi (Menunggu Jawapan KUP)" sebagai "Alasan Tangguh" > penuhkan ruang-ruang "No. Kes", "Seksyen & Akta Terlibat", "Pertuduhan", "Tarikh Tangguh" dan "Bil Tangguh" > minitkan nama TPR/PP & peguam serta firma peguam tersebut di ruang "Catatan" > minitkan status kes di ruang "Catatan" sekiranya perlu).

c. Bagi kes-kes jenayah yang ditetapkan untuk bicara tetapi tidak berjalan langsung, maka kes tersebut dianggap sebagai kes yang ditangguhkan. Dalam keadaan ini, terdapat maklumat-maklumat yang perlu dinyatakan seperti nama Timbalan Pendakwa Raya (TPR)/Pegawai Pendakwa (PP) dan nama peguam serta nama firma yang terlibat.


(Panduan: Dalam paparan "KEMASKINI-BICARA TANGGUH", klik "Jenayah" sebagai "Jenis Kes" > pilih pihak yang pohon penangguhan > klik "Alasan Tangguh" selain "SAMBUNG BICARA" > penuhkan ruang-ruang "No. Kes", "Seksyen & Akta Terlibat", "Pertuduhan", "Tarikh Tangguh" dan "Bil Tangguh" > minitkan nama TPR/PP & peguam serta firma peguam tersebut di ruang "Catatan" > minitkan status kes di ruang "Catatan" sekiranya perlu).

4. Diharapkan dengan penjelasan ini dapat membantu Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan mengisi laporan masing-masing dengan lebih jelas. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan dengan sistem e-Laporan Harian sila hubungi **Puan Nik Isfahanie Tasnim binti W. Ab. Rahman** (03-8880 3945) atau **Encik Abdul Jalil Salam bin Muhamad** (03-8880 3977).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

- s.k. YAA Ketua Hakim Negara
- YAA Hakim Besar Malaya
- YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
- Timbalan Ketua Pendaftar
- Pendaftar Mahkamah Rayuan
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak